



## Bulan Muharam Penghayatan terhadap Peristiwa Hijrah

✶ Mohd Sukki Othman

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

**M**asa berlalu dengan begitu pantas. Hari berganti hari, bulan berganti bulan dan tahun berganti tahun. Sama ada sedar atau tidak, kini kita sudah pun melangkah ke tahun baharu Hijrah 1444. Kadangkala tahun baharu Hijrah datang dalam keadaan tidak disedari, ataupun seolah-olah tidak diketahui akan kewujudannya. Kedatangannya hanya disedari dengan adanya cuti umum pada hari tersebut. Umat Islam seolah-olah semakin meminggirkan bulan Islam ini sehinggakan ada yang tidak mengetahui langsung tentang tarikh pada tahun Hijrah berbanding dengan Masihi. Bagaimanakah hal ini boleh berlaku?

Adakah wajar menuding jari kepada media massa semata-mata, kerana kelihatan lebih mengutamakan dan membudayakan sambutan tahun baharu Masihi berbanding dengan sambutan tahun baharu Hijrah? Atau sikap individu yang kurang prihatin terhadap apa-apa jua yang bersangkutan dengan Islam? Apa-apa pun persepsi yang ada, umat Islam sewajarnya menghayati bulan Muharam sebagai bulan pertama dalam kalendar Hijrah.

Sambutan Awal Muharam, iaitu permulaan tahun baharu Hijrah sepatutnya disambut dengan meriah bersesuaian dengan majoriti penduduk Malaysia yang beragama Islam. Bahkan sepatutnya sambutan tahun baharu Islam ini lebih rancak dan hebat daripada sambutan tahun baharu Masihi. Namun begitu, hal ini bukan bermakna perlu diadakan konsert atau pesta bunga api untuk meraikannya. Sebaliknya, sambutan yang dilaksanakan mestilah bertepatan dengan kehendak Islam serta bebas daripada unsur jahiliah dan pengaruh budaya Barat yang tidak bersesuaian dengan kehendak agama.

### Keistimewaan bulan Muharam

Bulan Muharam merupakan satu daripada “bulan haram” dalam Islam. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Tawbah* ayat 9 yang bermaksud, “Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan

yang demikian itu ialah agama yang betul dan lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya) dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya, dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang yang bertakwa.”

Menurut *Tafsir al-Jalalain*, yang dimaksudkan dengan empat bulan tersebut ialah Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab. Umat Islam diharamkan pergi berperang pada bulan tersebut, kecuali jika mereka diperangi. Antara kemuliaan bulan-bulan haram ini termasuklah disunatkan berpuasa. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa beliau berkata, “Rasulullah ditanya: ‘Apakah solat yang lebih afdal selepas solat fardu, dan apakah puasa yang lebih afdal selepas bulan Ramadan?’ Maka jawab Baginda: ‘Sebaik-baik solat selepas solat yang telah difardukan ialah solat pada pertengahan malam, dan sebaik-baik puasa selepas bulan Ramadan ialah puasa pada bulan Muharam.’” (Hadis riwayat Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidzi, al-Nasaie dan Ibn Majah).

Di samping melaksanakan ibadat puasa sunat pada bulan Muharam, sesuatu yang amat penting untuk diingati dan dihayati sempena sambutan tahun baharu Hijrah ini ialah peristiwa hijrah Rasulullah SAW. Oleh itu, tidak hairanlah apabila Khalifah Umar al-Khattab menetapkan peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW bersama-sama para sahabat Baginda dari kota

Makkah ke Madinah itu sebagai tahun pertama dalam Islam yang dinamakan sebagai tahun Hijrah. Bermula daripada peristiwa itulah Sayidina Umar memerintahkan satu kalendar Islam yang khas diwujudkan bagi menggantikan tahun rujukan kalendar yang berbagai-bagai yang digunakan oleh bangsa Arab dan bangsa lain pada zaman itu.

Peristiwa hijrah perlu dikenang oleh umat Islam pada setiap tahun, apatah lagi ketika menyambut Awal Muharam untuk menjadi pengajaran dan peringatan tentang pengorbanan Rasulullah SAW dan para sahabatnya menegakkan Islam. Mudah-mudahan dengan kenangan itu dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan umat Islam bahawa kemuliaan Islam dan kewujudan negara Islam bukanlah diperoleh dengan mudah. Sebaliknya, hal tersebut perlu melalui perjuangan yang gigih dan pengorbanan yang tinggi. Sesungguhnya sifat pengorbanan yang dimiliki dan diperlihatkan oleh Rasulullah SAW dan umat Islam pada zaman Baginda merupakan bukti kesungguhan dan kecintaan yang mendalam terhadap akidah Islam dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi terhadap perintah Allah SWT. Sifat seperti inilah yang sepatutnya ada dan diikuti oleh generasi umat Islam pada hari ini.

Oleh hal yang demikian, apakah yang harus dilakukan oleh umat Islam ketika menyambut tahun baharu Hijrah? Sambutan Awal Muharam dan tahun baharu Hijrah ini hendaklah diikuti dengan usaha untuk melakukan perubahan

## Hijrah Nabi Muhammad SAW

Perjalanan dari Makkah ke Madinah 320km



1

**26 Safar SH1**  
(9 September 622)  
- meninggalkan rumah di Makkah  
- tinggal tiga hari di Gua Thur berdekatan kota Makkah



2

**1 Rabiulawal SH1**  
(13 September 622)  
- meninggalkan wilayah Makkah  
- meneruskan perjalanan ke Madinah



3

**8 Rabiulawal SH1**  
(20 September 622)  
- tiba di Masjid Quba' dekat Madinah



4

**12 Rabiulawal SH1**  
(24 September 622)  
- tiba di Madinah untuk solat Jumaat



5

**22 Rabiulawal SH1**  
(4 Oktober 622)  
- pindah dari Masjid Quba' ke Madinah

Tarikh Hijrah bermula dari zaman pemerintahan Sayidina Umar r.a pada tahun 638, iaitu setelah 17 tahun peristiwa Hijrah.

pada diri dan masyarakat agar penyelewengan akidah dan keruntuhan akhlak dapat diperbetulkan dan Islam sebagai agama yang mulia dan tinggi dapat didaulatkan dan diletakkan di tempat yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, tahun baharu Hijrah hendaklah disambut dengan penghayatan yang lebih bermakna agar kecemerlangan dan kegemilangan Islam dapat dihayati dan dikembalikan kepada umat zaman ini.

### Erti sebuah hijrah

Hijrah dari sudut bahasa bermaksud berpindah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain. Dari sudut istilah pula hijrah bermaksud perpindahan Rasulullah SAW dan umat Islam dari Makkah ke Madinah. Hijrah dalam konteks yang lebih luas ialah perubahan atau peralihan daripada perkara yang negatif kepada perkara yang positif seperti berhijrah daripada akhlak buruk kepada akhlak yang baik.

Melaksanakan penghijrahan memerlukan pengorbanan yang sangat tinggi. Itulah yang dihadapi oleh Rasulullah SAW dan para sahabat ketika melaksanakan proses hijrah. Semangat jihad yang berteraskan keikhlasan merupakan kunci utama kejayaan hijrah nabi dan para sahabat. Hijrah hendaklah dimulakan dengan pengorbanan dalam pelbagai aspek. Penghijrahan yang dilakukan atas kesedaran diri dan keikhlasan hati akan membuahkan hasil yang terbaik walau terpaksa menghadapi cabaran, dugaan dan onak duri dalam perjalanan hijrah. Kekuatan dan keazaman untuk kembali kepada fitrah

mestilah berteraskan kepada ilmu dan semangat perjuangan yang tinggi sebagaimana yang telah ditonjolkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat semasa peristiwa hijrah.

Antara pengorbanan yang telah dilakukan oleh kaum muhajirin semasa hijrah termasuklah:

- Meninggalkan sanak saudara, harta dan tanah air semata-mata untuk menyelamatkan akidah mereka dan menegakkan negara Islam di Madinah.
- Menghadapi kesusahan dan kesukaran hidup sehingga terpaksa menanggung risiko kehilangan nyawa dan harta.
- Bersusah payah untuk memulakan kehidupan baharu di Madinah.
- Berperang dan berjihad menentang sanak saudara yang menentang negara Islam Madinah.

Antara pengorbanan yang telah dilakukan oleh kaum Ansar pula termasuklah:

- Menghulurkan segala bantuan kepada muhajirin termasuk bantuan harta, tenaga dan tempat tinggal. Terdapat para sahabat yang sanggup memberikan sebahagian harta kepada golongan Ansar.
- Memberikan perlindungan dan layanan yang baik kepada muhajirin.
- Berjuang dan berjihad mempertahankan tanah air dan negara Islam daripada dicerobohi musuh.

Pembinaan masjid merupakan agenda utama dan pertama Rasulullah SAW setelah melakukan penghijrahan. Masjid pertama yang diasaskan oleh Rasulullah ialah Masjid Quba' yang dibina dalam perjalanan hijrah Rasulullah ke Madinah. Apabila Rasulullah SAW tiba di Madinah, Baginda mengasaskan pula masjid di bandar Madinah untuk menyatukan umat Islam di Madinah yang dikenali pada hari ini sebagai Masjid Nabawi.

Pada zaman Rasulullah SAW, masjid dibina daripada batu, manakala tiang dan atap diperbuat daripada pelepah dan batang kurma. Lantai masjid pula diratakan dengan pasir halus. Walaupun binaan masjid sangat daif, namun sangat makmur dari sudut pengimarannya. Masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadat, malahan menjadi pusat pendidikan, kemasyarakatan, pentadbiran, ekonomi dan sebagainya.

Sesungguhnya masjid merupakan rumah Allah SWT, tempat yang suci di mana umat Islam mengabdikan diri kepada Allah SWT bagi mengerjakan ibadat secara tulus ikhlas semata-mata kerana-Nya. Masjid juga merupakan lambang keagungan agama Islam dan petunjuk kepada perpaduan umat Islam. Oleh itu, masjid merupakan antara institusi yang berperanan besar bagi melakukan penghijrahan dalam diri, keluarga dan masyarakat, demi mencapai hasrat tersebut. Peranan tersebut termasuklah dari segi pembangunan jasmani dan rohani bagi setiap individu Muslim. ☺